



## SIARAN AKHBAR

### KENYATAAN DASAR AMBD 2/2018

**Isnin, 16 Rabiulakhir 1440 bersamaan dengan 24 Disember 2018**

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) hari ini mengeluarkan Kenyataan Dasar AMBD bagi separuh tahun kedua 2018. Di dalam Kenyataan Dasar 2/2018, AMBD menyatakan bahawa ekonomi global dijangka berkembang 3.7% pada tahun 2018 dan 2019. Ekonomi domestik menurun 0.05% tahun-ke-tahun pada separuh tahun pertama 2018. AMBD meramalkan kadar inflasi untuk kekal pada lingkungan 0% ke 1% pada tahun 2018. Namun ianya berkemungkinan menghadapi penurunan sekiranya tekanan inflasi global masih lemah.
2. AMBD juga memaklumkan bahawa institusi-institusi kewangan yang berlesen di negara ini terus mengekalkan asas kukuh didorong oleh tahap modal yang tinggi, kecairan yang kukuh dan pulangan keuntungan yang bertambah baik. AMBD telah mengeluarkan beberapa Notis pada tahun ini untuk mengukuhkan perlindungan dan memupuk keyakinan para pelabur di pasaran modal. AMBD selaku depositori bagi Sukuk Al-Ijarah Kerajaan Negara Brunei Darussalam telah dilantik sebagai National Numbering Agency (NNA) bagi Negara Brunei Darussalam. AMBD telah mengeluarkan Notis-Notis mengenai *Overnight Standing Facilities* konvensional dan patuh-Syariah untuk membantu institusi-institusi perbankan menguruskan kecairan (*liquidity management*) dengan lebih berkesan dan cekap. Instrumen dan operasi yang berhubung dengan kemudahan ini adalah selaras dengan prinsip-prinsip Lembaga Mata Wang dan Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura.
3. AMBD akan memperkenalkan rangka kerja pendaftaran ke atas ejen-ejen insurans nyawa/takaful keluarga pada 1 Januari 2019. AMBD telah mengeluarkan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah untuk memastikan operasi dan produk kewangan yang ditawarkan oleh institusi-institusi kewangan mematuhi Hukum Syara', sekaligus memenuhi amalan terbaik antarabangsa di dalam industri kewangan Islam.
4. Seterusnya, menurut Laporan Doing Business 2019 yang diterbitkan baru-baru ini, World Bank telah mengiktiraf pelaksanaan sistem *credit scoring* kebangsaan iaitu Bureau Credit Score yang dikendalikan oleh Biro Kredit AMBD. Berdasarkan pelaksanaan sistem tersebut, Negara Brunei Darussalam telah mencapai skor penuh dan menduduki tempat pertama daripada 190 buah ekonomi dalam penunjuk *Getting Credit* bersama dengan New Zealand.
5. Kenyataan Dasar AMBD 2/2018 yang lengkap boleh didapati di laman web AMBD ([www.ambd.gov.bn](http://www.ambd.gov.bn)). Bagi maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan, orang ramai bolehlah menghubungi AMBD melalui aplikasi telefon pintar AMBD App, talian 2388388, atau emel info@ambd.gov.bn.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**  
Date: 16 Rabiulakhir 1440 / 24 Disember 2018  
Ref: AMBD/COMMS/